

Belajar tanpa had usia di UPM

Banyak pengajian peringkat bachelors, sarjana ditawarkan dalam program PJJ sejak 1995



SIDANG VIDEO
KOTA KINABALU
SABAH
BILIK 1

KEMUDAHAN: Sesi sidang video membolehkan pelajar berinteraksi dengan pensyarah.

DALAM usaha pendemokrasian dan liberalisasi pendidikan negara, Universiti Putra Malaysia (UPM) tidak ketinggalan mengambil bahagian membuka peluang kepada setiap individu tanpa mengira usia dan kedudukan untuk menuntut ilmu.

Menerusi program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) di bawah Pusat Pendidikan Luar yang diwujudkan sejak 1995, UPM membawa pendidikan tinggi ke pintu rumah kepada sasarannya dengan kos yang termampu. Hala tuju program PJJ ini selaras dengan misi UPM dan negara iaitu ke arah membangunkan pekerja yang berpengetahuan dan mampu belajar secara berterusan.

Timbalan Dekan (Akademik dan Pelajar), Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM, Prof Madya Dr Abdul Muati Ahmad, berkata mungkin sebelum ini ada sesetengah individu tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke menara gading berikutan pelbagai faktor termasuk sumber kewangan terhad, ketiadaan masa selain komitmen keluarga. Justeru, katanya, program PJJ pilihan terbaik untuk golongan ini melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Program yang ditawarkan ialah Bacelor Sains Pembangunan Sumber Manusia, Bacelor Sains Pembangunan Manusia, Bacelor Pendidikan, Bacelor Komunikasi, Bacelor Pentadbiran Perniagaan, Bacelor Sastera (Bahasa dan Linguistik Melayu) dan Bacelor Sastera (Bahasa Inggeris).

Selain itu, program sarjana yang turut ditawarkan ialah Master Pembangunan Sumber Manusia, Master Sastera Bahasa Melayu, Master Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pertama dan Master Komunikasi Korporat.

Beliau berkata bagi program Bacelor Komunikasi pengajian mengambil masa empat tahun, manakala bagi Master Komunikasi Korporat, dua tahun. Komunikasi adalah satu disiplin yang luas serta fleksibel dan sifatnya berkait antara disiplin. Kursus yang ditawarkan berkaitan kewartawanan dan penyiaran.

Dr Muati berkata, kebanyakan calon program itu sebelum ini adalah mereka yang mahu memantapkan kerjaya dan menambah ilmu pengetahuan.

“Kita mensasarkan calon yang bekerja di dalam bidang komunikasi dan selain daripada itu termasuk golongan profesional bagi program Master Komunikasi Korporat,” katanya ketika ditemui di pejabatnya di Serdang, baru-baru ini.

Katanya, sebelum ini, pihaknya menerima kemasukan pelajar daripada pelbagai latar belakang kerjaya termasuk kakitangan kerajaan daripada bahagian pentadbiran, guru, polis, tentera, bomba, kakitangan Jabatan Penjara, pramugari, pramugara, peguam, ahli perniagaan dan eksekutif swasta.

“Berikutnya program ini tidak meng-

"Berikutnya program ini tidak mengehadkan umur, kita juga ada pelajar yang berusia 72 tahun yang sudah menamatkan pengajian dalam Bacelor Komunikasi tidak lama dulu. Program ini adalah menyokong hasrat kerajaan mempromosikan pendidikan seumur hidup.

"Malah, kebanyakan pelajar yang sudah menamatkan pengajian berpeluang menikmati kenaikan pangkat di jabatan masing-masing, berikutnya mempunyai sijil yang diiktiraf," katanya.

Jika mengikuti pengajian sepenuh masa memerlukan pelajar menghadiri kelas di kampus hampir setiap masa, bagaimanapun menerusi program Bacelor Komunikasi ini, pertemuan bersemuka dengan pensyarah diadakan dua kali saja dalam satu semester.

Lebih memudahkan, katanya, pelajar diberi pilihan sama ada datang ke kampus atau mengikuti persidangan video dengan menggunakan kaedah jalur lebar membolehkan pelajar berinteraksi terus dengan pensyarah di Pusat Pembelajaran Negeri UPM di seluruh negara.

Selain itu, sesi tutorial yang dikendalikan tutor turut diadakan sebanyak enam kali satu semester di pusat berkenaan.

"Pelajar yang mengikuti program ini kebanyakannya sudah matang dan mempunyai pengalaman kerja yang luas. Sehubungan itu, mudah bagi mereka untuk mengikuti pengajian dan menggunakan pengalaman sedia ada untuk memahami teori yang diajar," katanya.

Sementara itu, graduan Bacelor Komunikasi secara PJJ UPM yang juga ahli perniagaan, Datuk Abdul Fatah Abdullah, 48, berkata selain dapat menimba ilmu dengan mengikuti program itu, beliau dapat meluaskan kenalannya.

"Hubungan dengan rakan sekuliah juga rapat. Walaupun tidak berjumpa dengan pensyarah tetapi kami sentiasa berinteraksi menerusi ruang sembang siber. Malah, ada kalanya kuiz juga diberikan menerusi ruang itu oleh pensyarah," katanya.

Beliau berkata, program seumpama itu memberi peluang kepada individu seperti yang sebelum ini tidak dapat melanjutkan pelajaran selepas tamat persekolahan kerana tidak cukup perbelanjaan.

Yuran pengajian adalah antara RM18,000 hingga RM24,000 bagi program Bacelor, manakala RM14,000 bagi program Master. Pembayaran yuran boleh dibuat secara ansuran setiap bulan sehingga tamat pengajian.

Mana-mana pihak yang berminat boleh menghubungi Unit Kemasukan Pusat Pendidikan Luar UPM, 43400, Serdang, Selangor atau menghubungi talian 03-89468815/03-89468821 atau melayari laman web di alamat www.ppl.upm.edu.my.



“Malah, kebanyakan pelajar yang sudah menamatkan pengajian berpeluang menikmati kenaikan pangkat di jabatan masing-masing, berikutan mempunyai sijil yang diiktira”

Prof Madya Dr Abdul Muati Ahmad

*Timbalan Dekan (Akademik dan Pelajar),
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM*